



SIARAN AKHBAR

MAJLIS MENANDATANGANI KONTRAK-KONTRAK PERJANJIAN 'PEMBEKALAN BERAS-BERAS TEMPATAN UNTUK PENJUALAN KEPADA ORANG AWAM' DIANTARA JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN DENGAN SYARIKAT SMART (B) SDN BHD DAN SYARIKAT AMPUAN MOHAMMAD YOSLAN BIN AMPUAN HJ. AKOP/YAAKUB & ANAK-ANAK

*Hari Sabtu, 26 RabiulAkhir 1442H bersamaan 12 Disember 2020
Bilik Harmoni, Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan,
Negara Brunei Darussalam*

BANDAR SERI BEGAWAN, 12hb Disember 2020 - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), telah mengadakan Majlis Menandatangani Kontrak Perjanjian 'Pembekalan Beras-Beras Tempatan Untuk Penjualan Kepada Orang Awam' dengan dua (2) buah syarikat swasta iaitu, Syarikat Smart (B) Sdn Bhd, dan Syarikat Ampuan Mohammad Yoslan bin Ampuan Hj. Akop/Yaakub & Anak-Anak di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Lapangan Terbang Lama Berakas. Antara matlamat utama perjanjian pembekalan tersebut adalah bagi meluaskan lagi saluran penjualan beras-beras tempatan agar memudahkan orang ramai mendapatkan beras-beras tempatan yang sememangnya mendapat sambutan yang sangat baik di pasaran, di samping untuk mendokong hasil ladang para petani tempatan bagi terus meningkatkan keluaran padi secara berterusan.

Pada bulan Ogos 2020 yang lalu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah pun membukakan tawaran secara terbuka kepada pemborong-pemborong bagi pembelian beras tempatan secara berkontrak khusus untuk penjualan di Daerah Belait dan Daerah Temburong. Syarikat Smart (B) Sdn Bhd, dan Syarikat Ampuan Mohammad Yoslan bin Ampuan Hj. Akop/Yaakub telah terpilih atas sebab menepati syarat-syarat tawaran termasuk mempunyai cawangan di daerah berkenaan, berpengalaman dan berkeupayaan dalam penjualan beras dan mempunyai pengangkutan dan tempat penyimpanan (*storage*) beras dalam keadaan baik, bersih dan bersesuaian.

Di majlis penandatanganan tersebut, kontrak perjanjian telah ditandatangani oleh Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dengan Syarikat Smart (B) Sdn

Bhd ditandatangani oleh Awang Lim Kuan Yew, Pengurus Am. Manakala Syarikat Ampuan Mohammad Yoslan bin Ampuan Hj. Akop/Ya'akub & Anak-Anak pula telah diwakili oleh Awang Ampuan Mohamad Yoslan bin Ampuan Haji Akub/Ya'akub, Pengurus Syarikat tersebut. Turut hadir bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut ialah Pengiran Mohd Fadly Harfinie bin Pengiran Haji Mohd Kassim, Pegawai Pentadbir Kanan selaku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan.

Tren data pengeluaran beras Negara terus menunjukkan pertumbuhan positif 40.0% di mana keluaran bagi tempoh 10 tahun kebelakangan adalah meningkat daripada 1,072 tan metrik pada tahun 2010 kepada 1,500 tan metrik pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 428 tan metrik. Berpandukan kepada tren pengeluaran beras bagi tahun 2020 juga dijangka akan merekodkan pertumbuhan positif di mana setakat bulan September 2020, pengeluaran telah meningkat sebanyak 912 tan metrik iaitu kepada 2,290 tan metrik berbanding 1,378 tan metrik dalam tempoh yang sama pada tahun lalu, iaitu peningkatan 66.2%. Kemajuan ini adalah hasil usaha berterusan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sokongan padu daripada peladang-peladang padi tempatan untuk menambah pengeluaran padi tempatan bagi meningkatkan tahap sara diri bekalan beras dalam negara.

Disediakan oleh:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Negara Brunei Darussalam